

<p>SENARAI PEMBERITAHUAN PRODUK – INSURANS “ALL RISK” (KESAN PERIBADI) (Sila baca Senarai Pemberitahuan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mendapatkan Insurans “All Risk” (Kesan Peribadi). Pastikan juga anda membaca terma dan syarat-syarat am yang terdapat di dalam polisi).</p>	<p>Rujukan Kami : 01-01-2010</p> <p>Nama Penawar Khidmat Kewangan : Uni.Asia General Insurance Bhd.</p> <p>Nama Produk : Insurans “All Risk” (Kesan Peribadi)</p> <p>Tarikh :</p>
---	---

1. Apakah produk ini?

“All Risk” (Kesan Peribadi) ialah pelan insurans yang memberi perlindungan kepada orang yang diinsuranskan terhadap kerugian atau kerosakan kesan peribadi disebabkan oleh kemalangan atau kerugian lain ketika berada di dalam kawasan yang dilindungi.

2. Apakah perlindungan / manfaat yang ditawarkan?

Polisi ini berdasarkan pada “Semua Risiko-risiko” asas dan melindungi anda daripada kehilangan atau kerosakan harta benda anda disebabkan oleh kebakaran, kecurian atau mana-mana kemalangan lain atau malapetaka yang berlaku semasa tempoh insurans di lokasi yang dinyatakan atau had wilayah (i.e. Malaysia, Singapura dan di mana jua di dalam dunia semasa lawatan-lawatan sementara, melainkan dikeluarkan secara khusus), hanya jika kehilangan sedemikian atau kerosakan adalah tidak disebabkan oleh peril yang khususnya dikeluarkan daripada polisi ini. Ia biasanya merangkumi barang-barang yang kecil saiznya tetapi bernilai tinggi contoh : barang kemas, set barangan emas dan perak, jam tangan dan seumpamanya.

Tempoh perlindungan ialah selama Satu tahun. Anda perlu memperbaharui pelan insurans setiap tahun.

3. Berapakah jumlah premium yang perlu dibayar?

Jumlah minimum premium tahunan ialah RM75.00, bergantung kepada nilai barangan yang diinsuranskan.

4. Berapakah bayaran dan caj-caj yang perlu dibayar?

Bayaran dan caj-caj yang perlu dibayar ialah:

Jenis	Jumlah
Komisen yang dibayar kepada agen Insurans	25 peratus daripada jumlah premium
Duti Setem	RM10.00
Cukai Perkhidmatan	5 peratus daripada jumlah premium

5. Apakah terma dan syarat-syarat utama yang perlu diberi perhatian?

Terma dan syarat-syarat utama yang perlu diberi perhatian ialah:

- Anda perlu memberitahu kami secara bertulis sekiranya berlaku sebarang kerosakan atau kerugian yang menyebabkan tuntutan bagi polisi tersebut.
- Anda perlu mengambil semua langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk keselamatan peralatan tersebut.
- Sekiranya berlaku tuntutan, anda perlu mengambil langkah-langkah segera bagi meminimumkan kerosakan dan mendapatkan semula barangan yang hilang.
- Jika terdapat mana-mana pelan insurans lain yang melindungi liabiliti yang sama, kami tidak bertanggungjawab untuk membayar lebih daripada kadar yang dinyatakan.

6. Apakah pengecualian utama bagi polisi ini?

Kami tidak akan bertanggungjawab bagi kerugian atau kerosakan disebabkan atau yang berlaku melalui:

- Serangga kutu dan keadaan lusuh atau kemerosotan atau sebarang proses membaiki, membaikpulih atau mengubahsuai lain.
- Peperangan, pencerobohan, tindakan musuh asing, permusuhan atau operasi seperti peperangan.
- Penyitaan, penahanan, pemilikan negara, tuntutan atau kemusnahan secara paksa oleh mana-mana kerajaan, pihak perbandaran, pihak berkuasa tempatan atau pihak kastam.

d) Kerosakan mekanikal atau elektrik atau calar atau retakan kanta atau kaca kecuali disertakan oleh kecederaan lain di mana anda berhak untuk mendapat ganti rugi bagi polisi tersebut.

(Nota: Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk pada kontrak polisi untuk mendapatkan senarai penuh pengecualian bagi polisi ini.)

7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya dan bagaimanakah caranya?

Anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberikan notis bertulis kepada syarikat kami. Setelah pembatalan dilakukan, anda layak menerima bayaran balik premium berdasarkan kepada kadar jangka-pendek, di mana sebarang bayaran premium minimum yang dibayar bagi polisi tersebut tidak akan dibayar.

8. Apakah yang perlu dilakukan jika terdapat perubahan pada maklumat peribadi/surat-menyurat saya?

Adalah penting untuk memberitahu syarikat kami jika terdapat sebarang perubahan pada maklumat surat-menyurat anda. Ini bagi memastikan bahawa urusan surat-menyurat diterima oleh anda dalam masa yang ditetapkan.

9. Dimanakah saya boleh dapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut, sila lawati laman web kami di www.uniasiageneral.com.my atau hubungi mana-mana pejabat cawangan kami di seluruh negara.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Uni.Asia General Insurance Berhad
Tingkat 9, Menara Uni.Asia,
1008, Jalan Sultan Ismail,
50250 Kuala Lumpur.
Talian Bebas Tol: 1-800-888-990
Tel : 03-2693 8111
Faks : 03-2693 0111
www.uniasiageneral.com.my

NOTA PENTING:

ANDA DINASIHATKAN MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS TERSEBUT SERTA BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU MENGHUBUNGI SYARIKAT INSURANS SECARA TERUS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Maklumat yang diberikan di dalam senarai pemberitahuan ini adalah sah bermula Mac 2010.